

29 JUN 1999

Usahawan-Mahathir

MAHATHIR MAHU USAHAWAN MELAYU SEDIA DIRI DENGAN PELBAGAI ILMU

KUALA LUMPUR, 29 Jun (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mahu para usahawan tempatan mempersiapkan diri mereka dengan pelbagai ilmu untuk menghadapi persaingan yang lebih sengit dan hebat dalam dunia perdagangan yang semakin terbuka.

Perdana Menteri berkata, kejayaan akan hanya diperolehi jika mereka mempunyai kedudukan yang mantap dan kelebihan daripada segi kepakaran, penyelidikan, teknologi maklumat dan jaringan yang baik.

"Dalam mengharungi situasi ekonomi negara, masyarakat peniaga dan pengusaha Melayu hendaklah menggiatkan lagi aktiviti mereka supaya kedudukan ekonomi kita benar-benar mantap dan stabil," katanya dalam buku laporan tahunan Dewan Perniagaan Melayu Malaysia, yang diedarkan sempena mesyuarat agung tahunannya di sini hari ini.

Perdana Menteri merasmikan mesyuarat agung itu.

Dr Mahathir berkata, hanya apabila negara berjaya memulihkan ekonomi sepenuhnya, barulah tuntutan-tuntutan lain dapat diusahakan dengan lebih mudah.

Katanya, kejayaan peniaga dan pengusaha Melayu memulihkan ekonomi akan memberi kekuatan kepada kerajaan untuk meneruskan semula rancangan pembangunan untuk rakyat, yang telah terbantut kerana kegawatan ekonomi.

Dr Mahathir berkata, sokongan masyarakat peniaga dan pengusaha Melayu amat penting bagi menjayakan matlamat pembangunan untuk rakyat.

Beliau berkata, mereka perlu bersungguh-sungguh dalam usaha dagang mereka termasuk meningkatkan mutu produk dan perkhidmatan.

Menteri Kewangan Pertama Tun Daim Zainuddin dalam perutusannya pula berkata Majlis Tindakan Ekonomi Negara (MTEN) akan meneruskan usaha serta langkah mengembalikan keyakinan pelabur, memulihkan aktiviti ekonomi, meneruskan pembangunan sumber manusia, menangani kemerosotan produktiviti di samping mengenal pasti sumber pertumbuhan baru.

Selain menggubal langkah-langkah mengatasi krisis ekonomi semasa, MTEN juga menyediakan rangka kerja komprehensif bertujuan mengatasi isu-isu struktural dan jangka sederhana, katanya.

Daim berkata kerajaan akan meneruskan tanggungjawab dan komitmennya bagi memastikan persekitaran ekonomi terus kondusif untuk membolehkan semua lapisan rakyat termasuk pengusaha dan peniaga Melayu menyertai dan berkongsi faedah hasil pembangunan ekonomi.

Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Datuk Seri Rafidah Aziz pula berkata dengan keadaan ekonomi negara sedang menuju pemulihan, adalah perlu bagi usahawan Melayu berusaha melipatgandakan kegigihan mereka memajukan diri dan mengikuti aliran semasa pembangunan industri.

Katanya, mereka perlu beroperasi dalam suasana yang mendorong kecekapan dan produktiviti tinggi untuk membolehkan pembesaran dan pelbagaian pengeluaran dengan teratur dan kos efektif.

Pada majlis itu juga Perdana Menteri menyampaikan anugerah pertama kecemerlangan Tabung Pendidikan Tan Sri Yahaya Ahmad kepada pelajar cemerlang dari keluarga miskin yang mendapat keputusan 10 A1 dalam peperiksaan Sijil pelajaran Malaysia 1998.

Mereka ialah Syed Fazal Syed Thajudeen yang kini melanjutkan pelajaran di University of New South Wales, Mohd Fadli Yazid Abdul Rahim (matrikulasi Universiti Sains Malaysia), Zanariah Hashim (Ambang Asuhan Jepun Universiti Malaya, Muhammad Syahrul Ezzeri Esa (akan ke Amerika Syarikat) dan Nurul Shuhada Nurazmi (akan ke Amerika Syarikat).

-- BERNAMA
MNY NMO MAI